

26 JAN 2004

ABDULLAH TIBA BAGI LAWATAN KE KEMBOJA

PHNOM PENH, 26 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menerima sambutan hamparan permaidaini merah semasa tiba di sini, hari ini, untuk lawatan singkat ke Kemboja dalam siri lawatan beliau untuk membiasakan diri dengan negara-negara anggota Asean.

Turut berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Phnom Penh untuk menyambut kedatangan Perdana Menteri ialah rakan sejawatannya di negara Indochina itu, Hun Sen.

Abdullah, yang menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Okt lepas, tiba dari Hanoi. Beliau berada di Hanoi selama setengah hari.

Selepas lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan, Abdullah memeriksa barisan kehormat dan kemudian telah diperkenalkan kepada orang-orang kenamaan di Kemboja dan anggota kor diplomatik.

Abdullah dan Hun Sen kemudian bertolak daripada lapangan terbang ke pejabat majlis menteri-menteri untuk perbincangan empat mata dan seterusnya pertemuan pleno.

-- BERNAMA

MAM JM PR